

Newspaper	Sinar Harian
Date	12 March 2016

Khidmat Tun Mahathir sebagai penasihat Petronas ditamatkan

Sinar Harian - 12/3/2016
KUALA LUMPUR - Kabinet sebulat suara bersetuju menamatkan pelantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Penasihat Petroliaam Nasional Berhad (Petronas).

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan semalam berkata, Kabinet berpendapat oleh kerana Mahathir tidak lagi mendukung kerajaan sedia ada, beliau sewajarnya tidak lagi memegang sebarang jawatan yang ada kaitan dengan kerajaan.

"Kabinet hari ini (semalam) telah membincangkan tindakan-tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir

Mohamad, khususnya dalam melancarkan Deklarasi Rakyat bersama pemimpin pembangkang pada minggu lepas.

"Deklarasi tersebut bertujuan menjatuhkan kerajaan menerusi satu tindakan yang bertentangan dengan undang-undang dan perlembagaan negara," kata kenyataan itu.

Mahathir dilantik sebagai penasihat Petronas susulan persaraannya sebagai perdana menteri pada 2003.

Beliau juga merupakan Pengerusi Proton Holdings sejak Jun 2014. - *Bernama*